

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	02 DECEMBER 2016

Dr Mahathir, Anwar punca perpecahan Melayu

BH- 2/12/2016

Kuala Lumpur: Tun Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Anwar Ibrahim layak dilabel sebagai pengkhianat bangsa kerana menjadi punca perpecahan orang Melayu di negara ini.

Wakil Wilayah Persekutuan, Datuk Mohd Rafi Alli Hassan, berkata kerana tamakkan kuasa, kedua-dua bekas pemimpin UM-

NO itu melancarkan agenda sendiri.

Katanya, Anwar dengan gerakan reformasi yang bermula pada 1998, manakala Dr Mahathir pula kuat melabel orang lain sebagai rasis dan cauvinis, tetapi baru-baru ini turut menyertai perhimpunan Bersih.

“Sedih melihat dua bekas pe-

mimpin UMNO ini memecah belahkan perpaduan rakyat. Harap orang Melayu sedar perkara ini, bagaimana masa depan orang Melayu, jika ia berterusan.

Kepentingan individu tertentu

“Parti lain dilahirkan hanya kerana kepentingan peribadi individu ter-

tentu yang mempunyai agenda sendiri, termasuk mahu jadi Perdana Menteri,” katanya ketika membahaskan ucapan dasar Presiden, semalam.

Beliau yang juga Ketua UMNO Bahagian Labuan, berkata kerajaan pimpinan UMNO tidak pernah meminggirkan mana-mana kaum, sebaliknya setiap pema-

ngunan, termasuk penyediaan perumahan dilaksanakan berpaksikan semua bangsa.

“Ambil contoh perumahan rakyat di Wilayah Persekutuan. Walaupun harga hartanah mahal, kita masih mampu membangunkan rumah untuk rakyat miskin yang mempunyai kuota untuk semua bangsa,” katanya.